



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1635

**AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA
BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN
(PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19))
(PINDAAN) 2021**

Tarikh Perkenan Diraja 12 November 2021

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 17 November 2021

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1635

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) (PINDAAN) 2021

Suatu Akta untuk meminda Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [*Akta 830*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 3(1) dengan menggantikan perkataan “enam puluh peratus” dengan perkataan “enam puluh lima peratus”.

Pindaan Jadual**3. Jadual kepada Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam butiran 1, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “18,300,000,000” dengan perkataan “31,000,000,000”;
- (b) dalam butiran 2, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “25,200,000,000” dengan perkataan “41,000,000,000”;
- (c) dalam butiran 3, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “4,000,000,000” dengan perkataan “6,000,000,000”;
- (d) dalam butiran 6, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “2,400,000,000” dengan perkataan “6,000,000,000”;
- (e) dalam butiran 7—
 - (i) dalam ruang (1), dengan memotong perkataan “di bawah Bank Simpanan Nasional dan TEKUN Nasional”; dan
 - (ii) dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “1,000,000,000” dengan perkataan “2,000,000,000”;
- (f) dalam butiran 8, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “5,000,000,000” dengan perkataan “9,000,000,000”;
- (g) dalam butiran 19, dalam ruang (2), dengan menggantikan perkataan “110,000,000” dengan perkataan “6,010,000,000”; dan
- (h) dengan menggantikan perkataan “JUMLAH 65,000,000,000” dengan perkataan “JUMLAH 110,000,000,000”.